

LAPORAN KES PENDAKWAAN

Seorang Juruteknik Kanan Tenaga Nasional Berhad, Zaide bin Hasan (OKS) telah dituduh di Mahkamah Majistret Klang, Selangor bagi dua pertuduhan di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 (PPE), iaitu (i) subperaturan 63(2A) PPE kerana gagal untuk memohon suatu pendaftaran baru bagi Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan Suruhanjaya Tenaga bagi maksud menjalankan kerja selepas habis tempoh pendaftaran Perakuan Kekompetenan; dan (ii) subperaturan 112(1) PPE kerana selaku pengkhidmat pemasangan TNB, iaitu *switchgear* 33kV telah gagal bertanggungjawab untuk melindungi secukupnya Muhammad Haidiel bin Muhammad Husni (No. K/P: 970906-08-5707) daripada bahaya apabila tidak membumikan kabel-kabel di suis Pencawang Masuk Utama (PMU) semasa sedang menjalankan kerja. Pada 15 Mei 2026, OKS telah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,300 untuk pertuduhan pertama dan RM1,500 untuk pertuduhan kedua. OKS telah membayar denda-denda tersebut.